

# Belum masa letak calon bukan Islam: Abdul Hadi

BH - 2/6/2007.

## Presiden beri alasan pengundi cenderung kepada perkauman


**K**OTA BHARU: Pas tidak bersedia meletakkan calon bukan Islam di kalangan pemimpin kelab penyokong parti itu pada pilihan raya umum akan datang kerana tidak yakin mereka mampu membawa kemenangan.

Presidennya, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, berkata Pas tidak mahu mengambil risiko menurunkan mereka kerana kecenderungan pengundi pada masa ini masih berpandukan parti yang mewakili sesuatu kaum.

"Kita tidak mahu menempatkan mereka dalam politik kerana di kawasan yang majoriti masyarakat bukan Islam sekali pun, ia tidak boleh memenangkan calon kelab penyokong.

"Parti bersifat kaum masih menguasai pengundi hari ini dan justeru itu kita beri penekanan untuk menempatkan mereka melalui pelantikan jawatan tertentu, tapi sebagai calon belum masanya lagi.

"Kita ada cadangan melantik mereka sebagai Senator atau Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) di negeri yang dibenarkan Perlembagaan. Pelantikan mereka sudah dibuat di majlis daerah dan perbandaran seperti di Kelantan," katanya selepas merasmikan Muktamar Tahunan Pas ke-53 di Pusat Tarbiyah Islamiah



**BUAT PEMILIHAN:** Nik Abdul Aziz bersama Abdul Hadi mengundi pada Muktamar Tahunan Pas ke-53, di Pusat Tarbiyah Islamiah Kelantan, Pengkalan Chepa, semalam.

Kelantan (Putik), di Pengkalan Chepa, semalam.

Mengulas kehendak akar umbi yang mahu Pas mengetuai kempen pilihan raya barisan pembangkang dan bukannya Penasihat Keadilan, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Abdul

Hadi berkata, perkara itu tidak penting kerana Pas lebih mengutamakan perubahan yang boleh diterima rakyat.

Sementara itu, beliau mengakui Mursyidul Am Pas yang juga Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul

Aziz Nik Mat masih mempunyai pengaruh besar terhadap keupayaan Pas pada pilihan raya umum nanti.

Atas dasar itu, katanya, Nik Abdul Aziz akan tetap diberi jawatan penting dalam parti yang bersesuaian dengan kemampuan dan kesihatannya.

ZAMAN HURI/ISA I REDITA